



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**MOTIF UKIRAN KAYU LATIF LONG**

**Zarina Binti Zakaria**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2012**

**MOTIF UKIRAN KAYU LATIF LONG**

**ZARINA BINTI ZAKARIA  
25450**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2012**

Projek bertajuk '**Motif Ukiran Kayu Latif Long**' telah disediakan oleh Zarina binti Zakaria dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh

---

Tuan Haji Mohd Ghazali Abdullah

Tarikh :

---

## **PENGHARGAAN**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Syukur Alhamdulillah kehadiran ALLAH s.w.t. yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan keizinan-Nya maka terlaksana Projek Tahun Akhir sesi 2011/2012 pada masa yang ditetapkan. Penghargaan ini ditujukan kepada pensyarah Jabatan Seni Liberal, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terutamanya kepada penyelia saya iaitu Tuan Haji Mohd Ghazali bin Abdullah yang banyak meluangkan masa, memberi bimbingan, panduan dan cadangan yang membina dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga dikhususkan buat infoman-informan yang terlibat dalam kajian ini terutama kepada Encik Latif bin Long, Encik Nik Zin bin Mat-II dan Encik Abu Seman bin Mat Johor kerana sudi meluangkan masa untuk bekerjasama yang tidak terkira dalam membantu menyiapkan kajian ini. Tanpa mereka kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan.

Saya ingin juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada bonda iaitu Juriah binti Ismail serta adik-beradik iaitu Noraini binti Zakaria, Norhayati binti Zakaria dan Zaleha binti Zakaria yang telah memberi dorongan dan semangat tidak terhingga amat saya hargai dan sanjungi. Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada kawan rapat Nurzuraidah binti Mohamad, Norasmat binti Mat Rifin, Nurfarahidayu binti Mohd Yani, Zumaisyah binti Ismail dan rakan-rakan seperjuangan yang lain atas sokongan dan galakkan yang diberikan bagi menyiapkan kajian ini.

Terima Kasih.

Zarina binti Zakaria

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI CARTA</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI LAKARAN</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI PLAT</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xi</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRACK</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Kayu	1
1.2 Seni Ukiran dalam Masyarakat Melayu	2
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kaedah Kajian	10
1.7 Kerangka Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Skop Kajian	13

1.10	Batasan Kajian	14
1.11	Penyampaian Kajian	15

## **BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN**

2.0	Pengenalan	16
2.1	Pengertian Ukir	16
2.2	Pengertian Ukiran Kayu	18
2.3	Sejarah Perkembangan Ukiran Kayu di Semenanjung Malaysia	20
2.4	Sejarah Perkembangan Motif Ukiran Kayu Melayu	25
	2.4.1 Pengaruh Kebudayaan Hindu dan Buddha	25
	2.4.2 Pengaruh Agama Islam	27
2.5	Estetika Ukiran Melayu	29
2.6	Kerangka Pemikiran Melayu dalam Ukiran Melayu	32
2.7	Rumusan	33

## **BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	35
3.1	Lokasi Kajian	35
3.2	Pengumpulan Data	36
3.3	Data	37
	3.3.1 Data Primer	38
	3.3.2 Data Sekunder	42
3.4	Informan	42
3.5	Instrumen Kajian	43
3.6	Limitasi Kajian	44

3.7	Rumusan	44
<b>BAB EMPAT: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	46
4.1	Sejarah Hidup Semasa Kecil Latif Long Pengukir Ukiran Kayu	46
4.1.1	Adik-beradik	48
4.1.2	Guru Latif Long dalam Ukiran Kayu	48
4.2	Mengenal pasti Konsep Ukiran Kayu	50
4.2.1	Proses Ukiran Kayu	51
4.2.2	Penyediaan Kayu	53
4.2.3	Peralatan Mengukir dan Kegunaan	55
4.2.4	Jenis dan Teknik Ukiran	60
4.2.4.1	Jenis-jenis Silat	61
4.2.4.2	Lekaran Ukiran	62
4.2.4.3	Reka Corak	65
4.2.4.4	Ragam Hias	66
4.3	Meneliti dan Mengenal pasti Motif Ukiran Kayu Latif Long	66
4.3.1	Motif	66
4.3.2	Motif Bunga Negeri-negeri di Malaysia	67
4.3.3	Motif Flora	69
4.3.3.1	Motif Bunga	70
4.3.3.2	Motif Daun	78
4.3.3.3	Motif Buah	79
4.3.3.4	Motif Pucuk	80
4.3.3.5	Motif Sulur	80

4.3.4	Motif Fauna	81
4.3.5	Motif Awan Larat	84
4.3.6	Motif Geometri	86
4.3.7	Motif Kosmos	87
4.3.8	Motif Khaligrafi	90
4.3.8.1	Jenis-Jenis Tulisan Khat	92
4.3.9	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Reka Corak dan Motif	97
4.3.10	Konsep Pemilihan Motif-Motif Ukiran Kayu	101
4.3.11	Konsep dan Falsafah Ukiran Kayu Melayu	104
4.3.12	Nilai-nilai Estetika Ukiran Kayu Latif Long	106
4.3.13	Peralatan atau Kraf Mengikut Kategori Ukiran	108
4.4	Menganalisis Cabaran-cabaran yang dihadapi Pengukir	109
4.4.1	Halangan-halangan yang dihadapi oleh Pengukir Melayu	109
4.5	Rumusan	113
<b>BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		
5.0	Pengenalan	114
5.1	Rumusan	114
5.2	Penemuan Kajian	115
5.3	Cadangan kepada Latif Long	116
5.4	Cadangan Kajian akan Datang	118
5.4	Kesimpulan	119
<b>RUJUKAN</b>		120



<b>LAMPIRAN</b>	122
Lampiran ‘A’ Sijil Penghargaan dan Terima Kasih Kerajaan Malaysia	122
Lampiran ‘B’ Anugerah Usahawan Seni Kraf 2007	123
Lampiran ‘C’ Senarai Tempahan	124
Lampiran ‘D’ Poster	125

### **SENARAI CARTA**

Carta 4.1: Penyediaan dan Bahagian dalam Proses Ukiran Kayu	51
---	----

### **SENARAI GAMBAR**

Gambar 2.1: Motif Kosmos Bentuk Matahari Pada Tebar Layar Rumah Melayu	21
Gambar 2.2: Motif Bunga Tanjung Pada Sisir Angin dalam Masjid Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kelantan	21
Gambar 2.3: Motif Khaligrafi Kalimah ALLAH s.w.t. Pada Pintu Masjid Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kelantan	22
Gambar 2.4: Istana Balai Besar	22
Gambar 3.1: Latif bin Long	39
Gambar 3.2: Nik Zin bin Mat-II	40
Gambar 3.3: Abu Seman bin Mat Johor	41
Gambar 4.1: Mesin Rotar	52
Gambar 4.2: Mesin Menebuk Lubang	52
Gambar 4.3: Pisau Wali Mempunyai Bentuk Bebas dan Berukuran di antara 8 inci ke bawah	56
Gambar 4.4: Gergaji Kecil Berbentuk Bebas dan Berukiran antara 6 hingga 12 inci	56

Gambar 4.5: Pengikis	57
Gambar 4.6: Pahat	57
Gambar 4.7: Kikir Pari	58
Gambar 4.8: Tukul Kayu	58
Gambar 4.9: Cetar	59
Gambar 4.10: Ketam Kayu	59
Gambar 4.11: Motif Fauna ‘Kepala Ulat Kekek’ Membentuk Hulu Keris dengan Hiasan Motif Daun Sayap	83
Gambar 4.12: Motif Fauna ‘Kepala Ulat Kekek’ Membentuk Hulu Keris	84
Gambar 4.13: Awan Larat	85
Gambar 4.14: Awan Larat	86
Gambar 4.15: Motif Geometri Bersegi dalam Susunan Berderet	87
Gambar 4.16: Motif Geometri yang digabungkan dengan Motif Flora	87
Gambar 4.17: Motif Kosmos iaitu Bintang yang di ukir Pada Reha digabungkan dengan Tulisan Khat dan Kuntum Bunga	89
Gambar 4.18: Motif Kosmos iaitu Matahari Pada Tebar Layar Rumah Melayu	89
Gambar 4.19: Motif Khaligrafi iaitu Tulisan Khat Diwani Jali	95
Gambar 4.20: Motif Khaligrafi dan Gabungan Motif Flora yang Mengelilingi Tulisan Khat di dalam Bentuk Sfera	96
Gambar 4.21: Tulisan Khat Thuluth	96
Gambar 4.22: Tulisan Khat Thuluth	97
Gambar 4.23: Ukiran Panel Bunga Ketumbik	108

## **SENARAI LAKARAN**

Lakaran 4.1: Silat Batang Bulat Rotan	61
Lakaran 4.2: Silat Batang Pepeh atau Bunuh Juring	61
Lakaran 4.3: Silat Batang Cekit Dua Tangga	62
Lakaran 4.4: Silat Batang Bulat Sebelah Rotan	62
Lakaran 4.5: Silat Batang Pintal Tali	62
Lakaran 4.6: Silat Batang Luruh	62
Lakaran 4.7: Motif Flora iaitu Batang Bersilang Selapis	63
Lakaran 4.8: Motif Flora iaitu Batang dan Daun Bersilang yang juga dikenali Sebagai ‘Tindih Kasih’	63
Lakaran 4.9: Motif Flora iaitu Batang Bersilang Tiga Lapis	64
Lakaran 4.10: Bunga Petola	73
Lakaran 4.11: Bunga Ros	73
Lakaran 4.12: Bunga Rotan	74
Lakaran 4.13: Bunga Cempaka	74
Lakaran 4.14: Bunga Gantang	75
Lakaran 4.15: Bunga Kala Bukit	75
Lakaran 4.16: Bunga Sayap	76
Lakaran 4.17: Bunga Matahari	76
Lakaran 4.18: Bunga Lawan	76
Lakaran 4.19: Bunga Cengkeh	77
Lakaran 4.20: Bunga Teratai	77
Lakaran 4.21: Daun Sukun	78
Lakaran 4.22: Daun Sayap	78
Lakaran 4.23: Daun Sireh	79

Lakaran 4.24: Buah Kecubung	79
Lakaran 4.25: Tapak Buah Manggis	79
Lakaran 4.26: Pucuk Rebung	80
Lakaran 4.27: Pucuk Kacang	80
Lakaran 4.28: Sulus Bayur	80
Lakaran 4.29: Sulus Kacang	81
Lakaran 4.30: Sulus Meliding	81
Lakaran 4.31: Khat Kufi	92
Lakaran 4.32: Khat Riqa	92
Lakaran 4.33: Khat Naskhi	93
Lakaran 4.34: Khat Thuluth	94
Lakaran 4.35: Khat Diwani	94
Lakaran 4.36: Khat Diwani Jali	95

### **SENARAI PLAT**

Plat 4.1: Motif Flora iaitu Batang Bersilang Tiga Lapis	64
Plat 4.2: Langgar Sulus	65
Plat 4.3: Motif Bunga Negeri-negeri di Malaysia	69
Plat 4.4: Bunga Raya	71
Plat 4.5: Bunga Ketumbik	71
Plat 4.6: Bunga Pekan	72
Plat 4.7: Bunga Dala	72
Plat 4.8: Bunga Tanjung	78

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1 Kerangka Konsep Seni Rupa Melayu (1992) Syed Ahmad Jamal 11

## **SENARAI SINGKATAN**

DYMM	-	Duli Yang Maha Mulia
IKN	-	Institut Kraf Negara
IKS	-	Industri Kecil dan Sederhana
PKMA	-	Pusat Khidmat Maklumat Akademik
S.W.T	-	Subhanawata'ala
SPB	-	Seri Paduka Baginda
UNIMAS	-	Universiti Malaysia Sarawak
YM	-	Yang Mulia

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti, meneliti dan menganalisis motif-motif ukiran kayu Latif Long Pasir Tumboh, Kelantan. Ukiran kayu melibatkan proses penyobekan dan pengolahan motif yang diterjemahkan pada permukaan kayu. Tradisi ukiran kayu dalam masyarakat sudah lama bertapak sejak zaman Hindu-Buddha sehingga kini. Dalam penghasilan ukiran kayu itu, pengaruh kebudayaan bermula zaman Hindu Buddha sehingga pengaruh Islam. Proses ukiran kayu menghasilkan motif flora, awan larat, fauna, geometri, kosmos dan khaligrafi. Objektif kajian yang ingin dicapai adalah a) mengenal pasti konsep ukiran kayu, b) meneliti dan mengenal pasti motif ukiran kayu Latif Long dan c) menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi pengukir. Kaedah kajian digunakan iaitu melalui pemerhatian dan temubual untuk melengkapkan pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ukiran kayu Latif Long bermotifkan flora, awan larat, fauna, geometri, kosmos dan khaligrafi yang dipengaruhi oleh faktor pemilihan motif dan konsep motif tersebut. Motif yang dihasilkan Latif Long mempunyai falsafah tentang hubungan manusia, alam dan Tuhannya.

## ABSTRACT

The aim of this study is to identify, examine and analyze the motives of wood carving by Latif Long, Pasir Tumboh, Kelantan. Wood carving involves decoration and processing process, where motives are translated at the surface of the wood. The tradition of wood carving in the community has been well established since the days of Hindu-Buddhist up till now. In the production of wood carvings, the cultural influence starts from the time of Hindu-Buddhist to the influence of Islam. The process of producing wood carving yield the motifs of flora, clouds afford, fauna, geometric, and cosmos and "*khaligrafi*". The objective of the study is a) identify the concept of wood carving, b) examine and identify the Latif Long wood carving motifs and c) analyzing the challenges faced by the sculptor. The methodology used is through observation and interviews to complete the data collection. The results showed that Latif Long wood carving motivated by flora, fauna, "*awan larat*", geometric, cosmos and "*khaligrafi*" as influenced by the selection of the motif and the concept of motive. Long Latif motif produced a philosophy of human relations, nature and his God.

## **BAB SATU: PENGENALAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab Satu merupakan bahagian yang menjelaskan tentang perkara yang terkandung dalam penyelidikan. Dalam kajian ini, penyelidik mengupas mengenai tajuk yang ingin dikaji oleh penyelidik iaitu Motif Ukiran Kayu Latif Long. Antara sub topik yang dibincangkan adalah mengenai kayu, seni ukiran dalam masyarakat Melayu, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian, penyampaian kajian dan rumusan.

### **1.1 Kayu**

Menurut Ismail Said dan Saifuddin Abdullah (2001:1), kayu merupakan suatu keperluan bagi manusia yang memainkan peranan penting dalam kehidupan sebagai bahan binaan rumah, kelengkapan atau peralatan rumah seperti perabot, kenderaan dan kraftangan. Ini menunjukkan kayu memberi makna kepada masyarakat Melayu yang berkait dengan alam semulajadi untuk melengkap keperluan kehidupan.

Menurut Abdul Halim Nasir (1986:17), kayu merupakan bahan penting untuk dijadikan ukiran dan struktur bangunan yang dapat bertahan sehingga ratusan tahun. Walaubagaimanapun, kerana sifat dan bentuk kayu menjadikan ukiran kayu juga mengalami kerosakan, kereputan dan tidak dapat bertahan lama yang memerlukan penjagaan rapi untuk mengekalkan kesempurnaan kayu. Selain itu, kayu merupakan bahan yang mudah terbakar dan akan menjadi reput sekiranya penjagaan rapi tidak



dilakukan yang memerlukan pengetahuan tentang teknik dan gaya pengawetan kayu. Ilmu pengawetan perlu dipelajari kerana melibatkan ketajaman dalam penelitian dan pemerhatian yang sempurna.

Menurut Ismail Said dan Saifuddin Abdullah (2001:5), mengikut kepercayaan pengukir mempercayai sesetengah kayu mempunyai semangat. Menurut mereka juga, pemilihan pokok kayu memerlukan semangat apabila diperolehi dari hutan bukan sekadar dilihat pada sifat kayu yang mampu bertahan lama sahaja. Ini supaya tidak berlaku sebarang gangguan dan kecelakaan dari semangat yang terkandung dalam kayu. Mereka turut menyatakan lagi, untuk mendapatkan kayu yang sempurna memerlukan pemupukan semangat semasa mengambil kayu iaitu kesungguhan dan kesabaran yang tinggi. Berhati-hati dengan langkah dan perhitungan semasa mengambil kayu itu kerana tanpa iftikad yang sempurna dengan izin pengawal belantara iaitu Nabi Ilias, ini boleh menyebabkan kecacatan dan kelemahan semangat kayu itu sendiri. Kayu yang tidak mempunyai semangat dipercayai akan hilang seri dan ketinggian seninya (Ismail Said dan Saifuddin Abdullah, 2001:6).

## **1.2 Seni Ukiran dalam Masyarakat Melayu**

Penghasilan seni ukiran kayu telah lama wujud dalam masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam penemuan Zawiyah Baba (2010:175), dengan menyatakan bahawa penghasilan seni ukir sebagai pelengkap dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dalam budaya Melayu penerapan ukiran kayu untuk menghasilkan peralatan daripada sekecil-kecil kukusan didapur sehingga tersergam indah rumah dan perahu. Ukiran kayu ditonjolkan juga pada perkakas yang berbentuk ringkas seperti sudip yang merupakan kegunaan harian serta menonjolkan kehalusan ukiran pada keris yang melambangkan jati diri masyarakat Melayu (Zawiyah Baba, 2010:175).

Menurut Zulkifli Hanafi (2000:2), bahawa sejak berabad-abad yang lalu seni ukiran kayu mempunyai sejarah dan perkembangan sehingga kini. Menurut beliau lagi, untuk menentukan permulaan asalnya amat sukar kerana tidak mempunyai catatan yang jelas mengenainya. Walaubagaimanapun penggiat seni ukiran kayu masih dipergiatkan terutamanya pengukir yang menetap di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Tidak ketinggalan, seni ukir juga mendapat perhatian di negeri lain seperti Kedah, Perak dan Melaka. Penglibatan penggiat-panggiat seni ukir menyinari aktiviti seni di samping dapat mewarisi warisan itu (Zulkifli Hanafi, 2000:2).

Sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Siti Zainon Ismail dalam bukunya, “*Getaran Jalur dan Warna*” (1985:31) bahawa, “kepakaran masyarakat Melayu dalam bidang kraftangan ini muncul sejak zaman prasejarah lagi. Hal ini didasarkan pada kesan-kesan peninggalan arkeologi seperti penciptaan peralatan bagi kegunaan harian pinggan mangkuk, tempat mengisi air, kendi dan sebagainya yang sudah mempunyai hiasan dan ukiran-ukiran yang tertentu. Tembikar yang ditemui di Gua Cha, Kelantan dan Bukit Tengku Lembu, di Perlis merupakan contoh terawal keahlian bertukang dalam menyesuaikan kehidupan lahiriah dan batiniah”.

Menurut Zukifli Hanafi lagi (2000:3), alat dan pekakas yang digunakan pada zaman purba menunjukkan kaedah pembuatan dan pengeluarannya untuk kegunaan masyarakat pada zaman tersebut. Perubahan penghasilan peralatan yang ringkas kepada yang kompleks bersifat istimewa menggambarkan perkembangan tamadun manusia. Oleh itu, sebagai contoh zaman Neolitik di Asia Tenggara menghasilkan hiasan pada pinggan mangkuk, kendi dan perkakas untuk kegunaan harian bagi memenuhi keperluan sebagai alat memudahkan kehidupan mereka (Zukifli Hanafi, 2000:3).

Menurut Mohd Taib Osman (1989:237), sejak zaman Neolitik lagi, seni ukiran kayu telah wujud kerana manusia menggunakan kayu sebagai keperluan dan kemudahan untuk dijadikan bahan binaan tempat kediaman, sampan sebagai pengangkutan air dan peralatan rumah seperti meja, kerusi, bangku, almari dan yang paling menarik kayu itu dijadikan bahan ukiran. Mereka mengukir pada kayu untuk menghasilkan seni bagi menggambarkan kemajuan ketamadunan sesuatu kaum atau etnik itu. Kegunaan kayu juga dijadikan bahan pembakar yang terbaik untuk memasak. Selain itu, zaman Neolitik menggunakan kayu menghidupkan api untuk memanaskan tubuh dari kesejukan, terutama di kawasan-kawasan yang mengalami cuaca yang sejuk diparas beku dan sumber cahaya pada waktu malam.

Menurut Mohd Taib Osman (1989:1), ukiran kayu diterokai oleh golongan lelaki kerana teknologinya yang rumit memerlukan penggunaan tenaga fizikal menyebabkan seni ini digemari oleh kaum lelaki. Perkembangan agama Hindu memberi kelebihan kepada golongan pendeta dan ahli pertukangan yang memiliki kebolehan seni pahat dan seni ukir untuk mengembangkan agama Hindu di Alam Melayu dengan membina candi seperti Candi di Sungai Selinsing, Candi Batu Pahat, Lembah Bujang dan sebagainya (Abbas Mohd Shariff, 202:67). Manakala ukiran arca (patung-patung) yang berfungsi dalam kepercayaan dan adat istiadat masyarakat tradisional terutama masyarakat Hindu sebagai tradisi mengukir patung yang menyerupai tuhan-tuhan mereka seperti Brahman, Visnu dan sebagainya (Mohd Taib Osman, 1989:1).

Sebelum kedatangan Islam, pengukir Melayu terpengaruh dengan agama dan kepercayaan Hindu yang diamalkan oleh mereka. Mereka percaya bahawa patung yang diukir itu adalah dewa-dewa yang mewakili tuhan mereka. Mereka yang hendak melakukan ukiran patung-patung ketuhanan tersebut perlu berpuasa dan melakukan meditasi untuk membersihkan diri dari kekotoran dan kejahatan sebelum melakukan

kerja mengukir. Mengikut kepercayaan Hindu, sekiranya pengukir meninggal dunia ketika membuat ukiran memberi kelebihan kepada pengukir bahawa kematian mereka direstu oleh tuhan mereka. Kebanyakan ukiran-ukiran yang dihasilkan bermotifkan patung-patung dewa Hindu dan Buddha sebagai penghormatan kepada dewa-dewa mereka (Ismail Said & Ahmad Shaifuddin, 2001:2). Penulis ini melanjutkan lagi hujahnya dengan mengatakan bahawa seni ukiran kayu telah bermula sejak abad ke-16 di Kelantan dan Terengganu iaitu semasa era kerajaan Langkasuka, di mana Islam telah bertapak di sana dan mempengaruhi serta mengubah seni ukiran daripada segi motif, maksud dan tujuan. Dalam masyarakat Melayu, kedatangan Islam membawa perubahan yang menghalang daripada menggunakan lembaga manusia sebagai motif dalam ukiran tetapi menggalakkan motif organik seperti daun-daun dan bunga serta tulisan khat yang mempunyai pengaruh daripada Arab (Mohd Taib Osman, 1989:1).

Kebudayaan mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu. Seni ukiran menjadi hasil budaya Melayu bernilai tinggi tanpa mengira kedudukan mahupun pangkat adalah seni ukiran kayu (Zulkifli Hanafi, 2000:3). Masyarakat desa menjadikan aktiviti mengukir sebagai hobi atau kegiatan harian selain mendapatkan sumber rezeki yang lumayan. Orang-orang Melayu melakukan kerja-kerja kampung dan bercucuk tanam seperti bersawah dan berkebun sebagai sumber pendapatan utama. Sungai dan laut juga menjadi tempat mencari rezeki dengan menangkap ikan sebagai nelayan. Walaubagaimanapun, perubahan musim menyebabkan petani dan nelayan tidak dapat bekerja seperti biasa pada musim tengkujuh. Oleh itu, untuk memenuhi masa lapang dan mencari sumber rezeki mereka menghasilkan peralatan rumah dan kegunaan harian yang dihiasi ukiran-ukiran dengan pola mudah tetapi menarik dan mempunyai nilai seni. Bagi golongan tua pula, menghasilkan alat permainan kanak-kanak seperti perahu

kecil, keris kayu, gasing, congkak dan lain-lain peralatan pada masa lapang (Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah, 2001:9).

Ciptaan pengukir yang menghasilkan ukiran mereka yang indah itu mempercayai bahawa alat-alat mempunyai kuasa-kuasa supernatural. Ukiran yang dipahat kebiasaannya berimejkan beberapa rupa bentuk sama ada hidupan yang bernyawa, alam tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Di samping itu juga, ukiran yang dihasilkan melambangkan pemikiran mereka (Muhammad Afandi Yahya, 1995:103). Peninggalan alat dan pekakas zaman purba yang ditemui oleh ahli arkeologi seperti kapak, beliung dan barangan logam menunjukkan peringkat perkembangan tamadun manusia (Zukifli Hanafi, 2000:3).

Menurut Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah (2001:8), pengukir yang berpengalaman menghasilkan ukiran yang kompleks terutamanya hulu keris dan badek yang memerlukan kehalusan dan komponen-komponen rumah seperti buah buton, tunjuk langit, tebar layar, kekisir, sisir angin, daun pintu dan dinding. Mengikut Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah (2001:8), sebagai pengukir untuk melengkapkan ukiran pada binaan rumah perlu mempunyai kemahiran dalam ilmu pertukangan. Beliau menjelaskan bahawa, minda pengukir dipengaruhi oleh suasana dan persekitaran tempat mengukir yang menjadi sumber inspirasi kepada pengukir untuk mendapatkan ketenangan sewaktu bekerja dan membantu mengeluarkan idea-idea kreatif.

Pengukir merupakan seniman yang mendapat penghargaan dalam masyarakat Melayu kerana mempunyai kebolehan mengukir dengan bakat istimewa (Ismail Hamid, 1988:123). Pemerintah dan raja yang berkemampuan mengupah pengukir mahir untuk membina istana (Zulkifli Hanafi, 2000:3). Pada masa dahulu, para pengukir mendapat tempat di istana raja untuk menghasilkan sesuatu ciptaan bagi mengembangkan dan

menunjukkan bakat dibawah perintah pemerintah. Raja mengiktiraf pengukir sebagai tokoh kerana menghasilkan ciptaan yang mempunyai nilai estetika yang mengkagumkan. Dengan kepandaian mengukir, pengukir Melayu mencipta berbagai-bagai ukiran dalam istana raja-raja Melayu sebagai hiasan (Ismail Hamid, 1988:123).

Raja dan golongan bangsawan sanggup mengupah pengukir yang mahir untuk mengukir istana dan rumah terutamanya pada sisir angin, daun pintu dan kekisi dinding dengan flora, khat dan awan larat. Istana merupakan tempat kediaman utama pemerintah yang berbeza dengan rumah rakyat dibawah pemerintahannya iaitu dengan hiasan ukiran terutamanya di pantai timur (Zulkifli Hanafi, 2000:3). Antara bentuk binaan istana yang dihiasi ukiran terdapat di pantai timur iaitu Kelantan dan Terengganu adalah Istana Balai Besar, Kelantan dan Istana Tengku Nik, Terengganu (Siti Zainon Ismail, 1985:33).

Ukiran pada komponen rumah bagi rakyat pula adalah berbentuk ringkas seperti paha tangga dan tebar layar. Seni ukiran menjadi hasil budaya Melayu bernilai tinggi tanpa mengira kedudukan mahupun pangkat adalah seni ukiran kayu. Seni ukiran menjadi elemen penting dalam pembinaan bangunan tradisional (Zulkifli Hanafi, 2000:3).

Persekitaran mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu dahulu dan sekarang. Perkembangan teknologi memudahkan penghasilan ukiran menggunakan mesin yang dapat mempercepatkan proses ukiran, menjimatkan masa dan tenaga. Kerjaya mengukir menjadi pekerjaan tetap pengukir terutamanya di Kelantan dan Terengganu sebagai sumber pencarian pendapatan. Dalam dekad ini, pengukir yang menjadi idola kepada masyarakat dalam bidang seni ukiran Melayu antaranya ialah Latif Long, Wan Su, Wan Po, Allahyarham Tengku Ibrahim Tengku Wok dan

Allahyarham Rashidin Nik Hussain. Melalui gaya-gaya mereka generasi kini mengolah semula dalam bentuk kontemporari (Zawiyah Baba, 2010:175).

### **1.3 Permasalahan kajian**

Seni ukiran kayu ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’, perumpamaan yang sesuai apabila memperkatakan mengenai ukiran kayu. Seni ukiran kayu sejak dahulu hingga sekarang tetap mendapat sambutan yang baik dari kalangan masyarakat. Perumpamaan tersebut memang tepat digunakan dalam menjelaskan perkembangan seni ukiran kayu. Sambutan yang baik ini memberi ruang dan peluang kepada pengukir-pengukir kayu meneruskan kerjaya mereka dalam bidang ini.

Jenis ukiran kayu yang mendapat sambutan menggalakkan ialah pintu gerbang, panel dan skrin dinding, sesiku keluang, pintu laman, kepala katil, pagar musang, sisir angin, alat permainan seperti congkak, perabot, katil, kerusi, meja, hiasan rumah dan banyak lagi.

(<http://www.bharian.com.my/articles/Seniukiranpupusjikatiadapenyambungwarisan/Article/>).

Masyarakat Melayu kaya dengan warisan seni dan budaya kraftangan, tenunan songket dan logam merupakan warisan turun temurun daripada golongan tua kepada generasi muda. Namun, kini tidak ramai generasi muda berminat mempelajarinya apatah lagi menguasai kemahiran dalam pelbagai cabang seni ukiran untuk dijadikan kerjaya. Pada masa sama, tidak ada dalam kalangan mereka yang mampu menghasilkan ukiran seperti dihasilkan pengukir zaman dulu.

(<http://www.bharian.com.my/articles/Seniukiranpupusjikatiadapenyambungwarisan/Article/>).

Menurut Mohd Zaihidee Arshad (2009:11) nilai menjadi asas kepada teori ilmu. Nilai menjadi ilmu bermakna dalam kehidupan masyarakat Melayu berkait dengan

hubungan manusia dengan alam, diri sendiri dan orang lain. Bagi menghasilkan ukiran, motif-motif ukiran dipengaruhi oleh persekitaran, pengaruh budaya lain dan warisan tetapi memerlukan ilmu dalam menterjemahkan dalam bentuk ukiran.

Seni ukiran merupakan warisan turun-temurun akan lenyap jika tidak dipelajari oleh generasi sekarang. Tanpa dipelajari ilmu tidak boleh diwarisi. Ilmu perlu dipelajari dengan disiplin yang telah ditetapkan dalam bidangnya. Selain daripada ilmu, persoalan nilai keindahan dijadikan sandaran utama untuk memiliki ukiran kayu bermotif. Kemahiran mengukir merupakan ilmu yang harus dipelajari supaya terus kekal walaupun berlakunya peredaran masa. Pengukir ukiran kayu yang semakin pupus untuk mewarisi kemahiran dalam mengukir atau menjadi seorang pengukir. Sedar akan masalah ini, pengukir pelapis perlu untuk menyambung kesinambungan seni pada masa hadapan. Hal ini menyebabkan walaupun pasaran ukiran ini meningkat, jika pengukir pelapis tiada, seni ini akan pupus jua.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat beberapa objektif yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian motif ukiran kayu Latif Long iaitu bertujuan untuk:

- a. Menenal pasti konsep ukiran kayu
- b. Meneliti dan mengenal pasti motif ukiran kayu Latif Long.
- c. Menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi pengukir.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

- a. Apakah konsep untuk menghasilkan sesuatu ukiran kayu?
- b. Apakah motif ukiran kayu Latif Long?
- c. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi pengukir Latif Long?